

# Ibu muda dalam tekanan disyaki dera anak hingga maut

Oleh **KAMARIAH KHALIDI**  
utusannews@mediamulia.com.my

**SEPAANG:** Seorang ibu muda direman seminggu selepas disyaki mendera hingga menyebabkan kematian anak kandung lelaki yang berusia setahun enam bulan di sebuah inap desa di kondominium di Cyberjaya, dekat sini pada 12 Januari lalu.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, polis menerima laporan daripada seorang doktor yang bertugas di wad kecemasan Hospital Cyberjaya memaklumkan terdapat seorang kanak-kanak lelaki berada dalam keadaan tidak sedarkan diri dihantar ibu kandungnya, kira-kira pukul 11.30 pagi.

Katanya, hasil pemeriksaan awal mendapati terdapat pendarahan di kedua-dua belah anak mata kanak-kanak terbabit, berkemungkinan disebabkan penderaan dan pesakit berada dalam keadaan kritikal.

Katanya, bertindak atas laporan itu, sepasukan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang menjalankan siasatan awal ke atas ibu kanak-kanak terbabit.

“Dalam keterangan awal, wani-



**Ibu mangsa menyatakan ketika kejadian dia berada dalam keadaan yang sangat tertekan kerana masalah dengan suami dan keluarga.”**

**WAN KAMARUL AZRAN  
WAN YUSOF**

ta berusia 20 tahun yang bekerja sebagai kerani pejabat itu menyatakan dia membawa mangsa ke inap desa yang terletak di sebuah kondominium di Cyberjaya.

“Ibu mangsa datang bersama teman lelakinya berusia 21 tahun yang juga seorang pelajar kolej dan menginap bersama. Dia menyatakan mangsa terjatuh dari sofa ketika sedang bermain kira-kira pukul 7 petang pada 11 Januari lalu.

“Tetapi ketika itu mangsa tidak mempunyai kesan bengkok atau lebam dan hanya mena-

ngis sebelum mendapati mangsa tidak sedarkan diri serta badannya pucat kira-kira pukul 11 pagi keesokan hari. Ibu mangsa turut memberitahu teman lelakinya telah pulang ketika kejadian,” katanya dalam sidang akhbar di IPD Sepang, semalam.

Bagaimanapun, kata Wan Kamarul Azran, pada 15 Januari lalu, pegawai perubatan Hospital Cyberjaya menghubungi polis memaklumkan kanak-kanak terbabit meninggal dunia.

“Kita cuba hubungi semula ibu mangsa tetapi gagal dan wanita terbabit juga tiada di rumah seperti alamat yang diberikan. Hasil risikan mendapati wanita itu bersembunyi di sebuah rumah flat di Putra Perdana.

“Pada 16 Januari lalu sepasukan anggota menyerbu flat itu dan menahan ibu mangsa serta suaminya. Kira-kira sejam kemudian, anggota menyerbu sebuah rumah di Kampung Sungai Buah, Dengkil dan menangkap teman lelaki ibu mangsa,” ujarnya.

Katanya, wanita terbabit telah berkahwin dua tahun lalu namun dalam proses penceraian dengan suaminya yang berusia 20 tahun.

Menurut beliau, berdasarkan soal siasat, bapa mangsa yang tidak bekerja mengaku tidak ter-

libat dalam kes berkenaan dan hanya mengetahui anaknya berada di hospital kerana sesak nafas selepas dimaklumkan isterinya.

“Ibu mangsa mengaku terlibat dalam kes tersebut dengan cara menekup muka anaknya dengan bantal yang ketika itu sedang tidur sehingga lemas. Ibu mangsa menyatakan ketika kejadian dia berada dalam keadaan yang sangat tertekan kerana masalah dengan suami dan keluarga.

“Teman lelakinya pula tidak mengaku terlibat dan hanya datang untuk bermalam dengan wanita terbabit sahaja di inap desa berkenaan. Semasa kejadian ibu mangsa menekup muka anaknya dengan bantal, teman lelakinya itu telah pulang,” katanya.

Tambah beliau, hasil laporan bedah siasat yang dijalankan oleh pakar forensik Hospital Serdang mendapati terdapat beberapa kesan kecederaan pada mangsa di bahagian pipi, gusi, dahi dan belakang pelipat kaki kanan selain kesan calar di pipi kiri serta lebam pada bawah leher bahagian kiri dipercayai dicekik.

“Ibu mangsa direman sehingga 22 Januari ini bersama teman lelakinya untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan,” katanya.